

Sambutan 50 tahun merdeka harus libat semua kaum

PUTRAJAYA 7 Dis. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau mahu ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara yang akan disambut secara besar-besaran tahun depan melibatkan semua kaum bagi memupuk dan mengukuhkan perpaduan rakyat.

Beliau berkata, perpaduan rakyat memang sedia wujud tetapi ia masih rapuh dan harus ditangani dengan betul oleh semua pihak bagi memelihara dan memperkukuhkan jalinan itu.

"Justeru, saya mahu melihat sambutan

ulang tahun merdeka (antara lainnya) memberi penekanan kepada perhimpunan budaya yang pelbagai bagi menggalakkan penyertaan semua masyarakat," katanya dalam taklimat kepada editor-editor media di pejabatnya di sini.

Abdullah berkata, demi menjamin masa depan negara, setiap pihak tidak harus menganggap perpaduan rakyat majmuk negara ini sebagai sesuatu yang sekadar untuk dipertontonkan di permukaan sahaja.

Abdullah berkata, beliau telah menga-

um - 8/12/2006
rahan Menteri Pelajaran, Datuk Hishamuddin Hussein supaya memastikan perpaduan kaum dipupuk dan diperkuatkan di peringkat sekolah rendah lagi.

"Kita harus beri galakan kepada pelajar semua kaum berinteraksi menerusi pergerakan seperti pengakap dan Persatuan Bulan Sabit Merah dan kegiatan sukan seperti bola sepak dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, sebab itulah juga kerajaan mahu lebih ramai ibu bapa bukan Melayu menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah kebangsaan termasuk

memperbaiki pengajaran mata pelajaran bahasa ibunda seperti Mandarin dan Tamil.

Perdana Menteri berkata, bilangan pelajar bukan Melayu di sekolah kebangsaan adalah masih rendah.

Abdullah berkata, beliau bersetuju bahawa orang politik yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan sentimen perkauman untuk mencari sokongan merupakan ancaman terbesar kepada perpaduan kaum negara ini.

- Bernama